

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2011**

**Semua Pengarah Kesihatan Negeri**

**Semua Pengarah Hospital**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**PELAKSANAAN PENGECUALIAN CAJ PENDAFTARAN SEBANYAK RM1.00  
DI JABATAN PESAKIT LUAR AM HOSPITAL / KLINIK KERAJAAN KEPADA  
SEMUA PESAKIT WARGANEGARA YANG BERUMUR  
60 TAHUN DAN KE ATAS**

**TUJUAN**

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan pengecualian caj pendaftaran sebanyak RM1.00 di Jabatan Pesakit Luar Am hospital / klinik Kerajaan kepada semua pesakit warganegara yang berumur 60 tahun dan ke atas.

**LATAR BELAKANG**

2. Seperti mana yang sedia maklum, caj pendaftaran pesakit luar berdasarkan Jadual A, Bahagian 1, Perintah Fi (Perubatan) 1982 adalah sebanyak RM1.00 termasuk segala siasatan.

3. Y.A.B. Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2012 telah mengumumkan bahawa mulai 1 Januari 2012, semua warganegara berumur 60 tahun dan ke atas akan dikecualikan caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk klinik 1Malaysia serta pergigian milik Kerajaan. Ini adalah bagi menghargai jasa warga emas terutamanya untuk mereka mendapatkan kemudahan awam seperti perkhidmatan kesihatan.

4. Justeru, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada menjalankan kuasa di bawah Seksyen 16(13) Perintah Fi (Perubatan) 1982, telah bersetuju memberi pengecualian bayaran caj pendaftaran pesakit luar sebanyak RM1.00 kepada warganegara yang berumur 60 tahun ke atas di semua hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian, klinik 1Malaysia dan klinik desa milik Kerajaan. Persetujuan ini disampaikan melalui surat Perbendaharaan bil. KK/BP/WA1/(S)09/692/79 Jld.3(sk17/2011)(3) bertarikh 5 Disember 2011.

## **PELAKSANAAN**

5. Sehubungan dengan itu, semua hospital dan klinik Kerajaan adalah dikehendaki untuk melaksanakan pemberian pengecualian caj pendaftaran sebanyak RM1.00 yang ditetapkan di bawah Jadual A, Bahagian 1, Perintah Fi (Perubatan) 1982 kepada warganegara yang berumur 60 tahun ke atas yang mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar hospital / klinik Kerajaan.

6. Bagi tujuan pelaksanaan pemberian pengecualian ini, pesakit perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri iaitu MyKad untuk membolehkan pihak klinik / hospital membuat pengesahan kewarganegaraan dan umur berdasarkan tarikh lahir pesakit.


## **TARIKH KUATKUASA**

7. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2012**.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**( WONG FOONG LAI )**

Setiausaha Bahagian Kewangan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : *19* Disember 2011

s.k. Ketua Setiausaha  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)  
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian